

Iman, Taklif, dan Hikmah Kerahsiaan Tarikh Kiamat Menurut *Risale-i Nur*

NURFIDA'Y SALAHUDDIN¹

IBNOR AZLI IBRAHIM²

ABSTRAK

Dalam teologi Islam, iman boleh dikatakan sebagai penerimaan oleh hati, pengakuan oleh lidah dan pelaksanaan amalan oleh anggota badan. Manakala taklif pula melibatkan peranan akal dalam melahirkan konsep keimanan yang sebenar yang tidak berbentuk taqlid dan membabi buta. Oleh itu, kajian ini menyentuh tentang konsep iman, taklif dan hikmah kerahsiaan tarikh kiamat di mana ia mempunyai hubungan antara satu sama lain untuk mengukuhkan akidah seseorang mukmin. Hubungan antara iman dan taklif itu jelas dan ia merupakan kepercayaan terhadap alam ghaib yang tidak ada jalan lain untuk memahaminya kecuali melalui al-Quran dan Sunnah. Hari kiamat wajib diyakini dengan sepenuh hati walaupun tidak diketahui bila ia akan berlaku. Kajian ini bertujuan menganalisis konsep iman dan taklif berdasarkan hikmah kerahsiaan tarikh kiamat menurut *Risale-i Nur*. Ketiga-tiga konsep ini amat mempengaruhi perilaku dan hubungan manusia dengan Allah SWT kerana melibatkan proses ketaakulan akal dan akidah. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis dan tafsiran semula daripada *Risale-i Nur* karya Badi'uzzaman Said Al-Nursi dan kitab-kitab turath. Semua maklumat yang berkaitan dengan tanda-tanda kiamat dihimpun serta dianalisis untuk mendapatkan pemahaman sebenar mengenai isu ini. Kajian ini mendapati bahawa taklif menuntut manusia untuk beriman dengan hari kiamat dan tanda-tandanya. Dengan itu seorang mukmin itu akan dapat memahami dengan jelas hikmah di sebalik Allah SWT merahsiakan tarikh berlakunya kiamat.

Kata kunci : iman, taklif, hikmah, kiamat, *Risale-i Nur* dan Said Al-Nursi.

Faith (*Iman*), *Taklif*, and Wisdom Confidentiality of The Last Judgment Date According to the *Risale-i Nur*

ABSTRACT

In Islamic theology, faith can be considered as acceptance by the heart, confession by the tongue and implementation practices by physical actions. Whilst *taklif* involves the role of reasons in molding the true concept of faith which is not in the form of blind *taqlid*. Therefore, this study touches on the concept of *faith*, *taklif* and wisdom of the secrecy of the judgment day that have relationship with each other in strengthening the faith of the believer.

¹ Institusi Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.

² Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

The relationship between faith and *taklif* is clear which is the believe in the hereafter and in order to understand it, there is no other way except through Al-Quran and As-Sunnah. The believe in Judgement Day must be full hearted even though it is not known when it will happen. This study aims to analyze the concept of faith and *taklif* based on wisdom of the secrecy of the judgment day date from *Risale-i Nur*'s points of view. All those three concepts greatly influence the behavior and the human relationship with God due to the process of rationalization of mind and faith. This study uses the analysis and re-interpretation approach of the *Risale-i Nur* and the books of *turath*. All information related to the signs of the resurrection day were collected and analyzed to gain a true understanding of this issue. The study found that *taklif* enforced people to believe in the Day of Judgment and its signs. Thus, the believer would be able to clearly understand the wisdom behind Allah SWT's secrecy of the date of the reckoning or the judgment day.

Keywords: Faith (*Iman*), *taklif*, wisdom, Last Judgment, *Risale-i Nur* and Said Al-Nursi.

Pendahuluan

Kitab Risalah *Risale-i Nur* merupakan karya teragung Badi'uzzaman Said al-Nursi yang merupakan seorang tokoh mujaddi di Turki. Risalah *Risale-i Nur* terdiri daripada lebih kurang enam ribu muka surat yang padat dengan huraian mengenai tafsiran makna dan maksud al-Quran. Konsep iman, taklif dan hikmah kerahsiaan tanda kiamat merupakan salah satu komponen yang telah dihuraikan di dalam *Risale-i Nur*. Ketiga-tiga komponen ini merupakan asas matlamat pembukuan *Risale-i Nur* yang mana tujuannya adalah untuk menggarap semula konsep iman dan taklif dengan menjelaskan intipati dan hakikat sebenar keimanan. Al-Nursi menerangkan konsep iman dan taklif ini dalam bentuk yang mudah difahami berdasarkan perbandingan dan penjelasan daripada al-Quran bagi membidas hujah golongan fahaman materialis yang mengatakan bahawa al-Quran tidak lagi relevan digunakan pada waktu itu. Oleh itu, konsep iman, taklif dan hikmah kerahsiaan tanda kiamat ini telah dihuraikan dalam *Risale-i Nur* mengikut pendekatan *maqasid* al-Quran dengan penjelasan rasional bagi membentuk semula satu pemikiran Islamik yang sesuai dengan kehidupan saintifik moden.

Pengenalan kepada Al-Nursi dan *Risale-i Nur*

Said bin Mirza atau lebih dikenali sebagai Badiuzzaman Said al-Nursi dilahirkan pada tahun 1877M (1294H) di Nurs, sebuah perkampungan kecil di daerah Khizan (Hizan), wilayah Bitlis di Timur Turki (Sukran Vahide 2004:3). Panggilan al-Nursi merujuk kepada tempat kelahirannya manakala Badiuzzaman (yang bermaksud keunggulan zaman) pula merujuk kepada panggilan atau gelaran terhormat yang diberikan oleh syeikh muktabar kepada beliau. Hal ini kerana keupayaan beliau yang luar biasa dalam menghafal dan mengingati sesuatu ilmu, kemahiran berfikir dan keluasan ilmu yang ada pada beliau dalam masa yang singkat. Malah, ada sejarawan yang mengatakan bahawa Al-Nursi telah dianugerahkan oleh Allah SWT dengan "*photographic mind*" iaitu minda yang mampu merekodkan apa jua yang dibaca dan mengingatnya semula sebagaimana asalnya tanpa ada sebarang masalah atau tertinggal mana-mana bahagian hatta satu huruf sekalipun (Ahmad Azam 2015).

Kehidupan awal al-Nursi banyak dipengaruhi oleh tokoh-tokoh sufi seperti Syaikh Abd al-Qadir al-Jilani, Imam al-Rabbani dan Imam al-Ghazali. Penglibatan al-Nursi dan alam tarekat bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana majoriti masyarakat Islam di Kurdistan kebanyakannya mendominasi tarekat aliran Naqsyabandi (Badicu al-Zaman 1990:100) (Sukran Vahide 1999:212). Ini kerana, terdapat banyak himpunan wirid-wirid (*Jausyan*) yang disusun oleh al-Nursi di ambil dari susunan wirid An-Naqsyabandi (Ibnor Azli Ibrahim 2004). Selain daripada ilmu-ilmu teologi, al-Nursi turut menguasai pelbagai ilmu sains moden seperti Sejarah, Geografi, Matematik, Fizik, Kimia, Astronomi, Falsafah Moden, Kaji Hayat dan Kaji Bumi (Ahmad Azam 2015). Beliau meninggal dunia pada 23 Mac 1960/27 Ramadhan 1379H di Urfah (Urkhan 1995:290).

Risalah *Risale-i Nur* merupakan satu karya agung al-Nursi yang terhimpun sebanyak 130 buah risalah dalam 14 jilid besar yang bersumberkan al-Quran dan hadis. Akan tetapi hanya terdapat 9 jilid yang telah diterjemahkan daripada bahasa Turki kepada bahasa Arab. Terjemahan tersebut meliputi buku yang bertajuk (1) *al-Kalimat*, (2) *al-Maktubat*, (3) *al-Lama'at*, (4) *al-Shu'a'at*, (5) *Isharat al-I'jaz fi Mazan al-Ijaz* (6) *al-Mathnawiy al-Arabiy al-*

Nuriy, (7) *al-Malahiq*, (8) *Shayqal al-Islam* dan jilid yang kesembilan pula ialah *Sirah Zatiyyah* (Sukran 2004).

Secara amnya, seluruh isi kandungan risalah difokuskan kepada persoalan-persoalan keimanan bertepatan dengan sains moden abad ini. Berdasarkan paduan ilmu agama dan sains moden al-Nursi mengarang *Risale-i Nur* yang juga merupakan Tafsir al-Quran yang bersifat *maudhu'i* yang mana terasnya menekankan soal tauhid dan mengesakan Allah SWT (Ahmad Azam 2015). Al-Nursi memilih untuk mengambil pendekatan *maqasid* al-Quran iaitu tujuan al-Quran diturunkan dengan berdalilkan hujah-hujah akal dan perumpamaan-perumpamaan yang mudah difahami oleh masyarakat. Keadaan ini selari dengan sosiobudaya masyarakat ketika jatuhnya pemerintahan Khalifah Uthmaniyyah pada tahun 1924M dan masyarakat ketika itu diasak dengan ideologi sekularisme di Turki (Abdullah Azam 2007).

Demi menyelamatkan akidah bangsa Turki ketika itu yang mengatakan bahawa al-Quran sudah tidak relevan dibaca dan diamalkan, al-Nursi bangkit bersama Risalah *Risale-i Nur* untuk menjawab tuduhan palsu yang dilemparkan oleh golongan pro-Barat. *Risale-i Nur* ini bukan sahaja lengkap untuk menangani masalah bukan sahaja umat Islam malah meliputi seluruh manusia sejagat. Ia secara tidak lansung telah menjawab segala persoalan yang membelenggu manusia berdasarkan penghujahan yang mantap. Al-Nursi telah membuktikan dalam *Risale-i Nur* bahawa tiada percanggahan atau dikotomi antara sains dan agama sebaliknya kemajuan dan kebahagiaan manusia itu hanya boleh dicapai dengan al-Quran.

Konsep Iman, Taklif Dan Hikmah Kerahsiaan Tanda Kiamat

Pada peringkat permulaan dakwah Rasulullah SAW di Mekah iaitu selama 13 tahun adalah berkaitan dengan akidah. Baginda SAW menggunakan pelbagai pendekatan dan manhaj bagi membina keyakinan dan kepercayaan untuk meyakinkan masyarakat Mekah bahawa Baginda SAW adalah utusan Allah SWT (*ithbat al-risalah*) kepada manusia (Ab Aziz Mohd Zin 2005). Perkara ini turut dijelaskan oleh Allah SWT melalui firmanNya yang bermaksud:

Katakanlah wahai Muhammad: Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya (Al-A'raf 7:158).

Berdasarkan ayat di atas, Rasulullah SAW disuruh memperkenalkan diri Baginda SAW adalah utusan Allah SWT kepada manusia. Ibn Kathir mentafsirkan ayat di atas bahawa Allah SWT telah memberi kemuliaan dan keagungan kepada Nabi Muhammad SAW dan sesungguhnya Baginda SAW telah diutus kepada seluruh umat manusia (Ibn Kathir 1997).

Ini menunjukkan bahawa akidah merupakan asas bagi dakwah terawal setiap Nabi, alim dan muslim sunni salafi. Ia merupakan jalan *islah* umat sebagaimana jalan *islah* umat terawal. Nabi Muhammad SAW juga telah mengajar para sahabat Baginda SAW agar memulakan dakwah mereka kepada umat manusia dengan tauhid. Perkara ini terbukti dalam sabdanya ketika Nabi Muhammad SAW mengutuskan Mu'adh ke Yaman:

Wahai Mu'adh, ketika engkau mendatangi ahli kitab, maka hendaklah yang terawal kamu serukan kepada mereka ialah agar mereka mentauhidkan Allah SWT (Sahih Bukhari 9:7372).

Hadis di atas jelas menunjukkan Rasulullah SAW memberi peringatan kepada Mu'adh agar memberi penekanan akidah terlebih dahulu kepada penduduk negeri Yaman yang majoritinya adalah berbangsa Yahudi dan Nasrani. Penekanan yang dibuat berdasarkan tiga rukun sahaja iaitu syahadah, solat dan zakat berbanding rukun-rukun yang lain. Islam adalah agama yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW yang terdiri daripada iman dan amal. Iman merupakan akidah dan asas terbinanya hukum syariat Islam. Iman mempunyai beberapa cabang manakala amal merupakan syariat dan hasil daripada iman (Sayed Sabiq 2005).

Secara umumnya definisi iman atau akidah adalah berteraskan kepada enam perkara. Pertama ialah makrifatullah atau mengenal Allah SWT, mengenal nama-namaNya yang mulia serta sifat-sifatNya yang tinggi dan dalil-dalil kewujudanNya serta tanda-tanda kebesaranNya di alam maya. Kedua ialah mengenali makhluk alam ghaib iaitu alam yang tidak dapat dilihat menerusi pandangan mata kasar yang terdiri daripada malaikat, jin dan syaitan. Ketiga pula ialah mengenali kitab Allah SWT yang diturunkan kepada umat manusia untuk dijadikan petunjuk sama ada kebaikan, kebatilan, kejahatan, halal atau haram dan baik atau buruk (Sayed Sabiq 2005).

Seterusnya keempat ialah mengenali para nabi dan rasulNya yang terpilih sebagai pembawa hidayah dan pemimpin makhluk ke arah kebenaran. Kelima pula mengenali hari akhirat dan segala perkara yang berkait rapat dengannya seperti hari kebangkitan, pembalasan, balasan baik dan jahat serta syurga dan neraka. Manakala yang terakhir keenam pula mengenali qada' dan qadar (ketentuan Allah SWT) yang menentukan sistem perjalanan alam sama ada dari sudut penciptaan atau pentadbiranNya (Sayed Sabiq 2005).

Inilah yang dikatakan iman dan akidah iaitu membenarkan sesuatu dan meyakini secara *jazam* (putus) tanpa syak dan ragu-ragu. Ini kerana Allah SWT telah menurunkan kitab-kitabNya menerusi utusan para rasulNya untuk memberi peringatan kepada umat manusia dari dahulu sehingga sekarang.

Menurut Mustafa Sa'id al-Khin, iman dari sudut bahasa ialah membenarkan (*al-tasdiq*), manakala dari sudut istilah pula ialah membenarkan segala ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW seperti beriman kepada Allah SWT, para malaikat, kitab-kitab, para rasul, hari akhirat dan *qada'* dan *qadar*. Membenarkan bermaksud *beritiqad* dengan teguh tentang kebenaran Rasulullah SAW serta pengakuan hati menerima segala ajaran yang dibawanya (Mustafa Sa'id al-Khin 2012:2).

Beriman kepada kewujudan hari kiamat merupakan salah satu elemen keyakinan yang terangkum dalam sistem hidup dan perundangan akidah untuk manusia sejagat. Hal ini kerana Islam ialah agama yang disempurnakan oleh Allah SWT untuk memberikan rahmat keimanan kepada manusia. Islam merupakan satu-satunya agama yang diredhai dan diterima oleh Allah SWT. Segala ajaran Islam dibina atas satu asas yang teguh, iaitu beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat disamping lima rukun iman yang lain.

Ahl Sunnah wal Jamaah berkeyakinan bahawa beriman kepada hari akhirat, dengan keyakinan yang kuat dan *tasdiq* (kebenaran) yang sempurna menjadi syarat sahnya iman. Orang yang mengingkari ataupun meragunya, tidak sah iman seorang insan dan dia dianggap murtad, iaitu terkeluar daripada Islam jika ia benar-benar sedar dan tahu akan tanggungjawab akidahnya. Hal ini telah dijelaskan dalam al-Quran yang bermaksud :

Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan RasulNya, dan kepada kitab al-Quran yang telah diturunkan kepada RasulNya iaitu Muhammad SAW dan juga kepada kitab-kitab suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah dan malaikat-malaikatNya, dan kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya dan juga hari akhirat, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh (An-Nisa 4:136).

Ayat di atas menunjukkan bahawa setiap perkara mengenai akidah harus ditasdiq oleh jiwa, diyakini oleh hati dengan keyakinan yang tidak bercampur dengan sebarang keraguan atau syak. Setiap berita yang datang dari Allah SWT dan RasulNya yang mengandungi perkara-perkara ghaib dan bukan perkara hukum amali seperti al-Quran, hadis, akhirat, syurga, neraka, kemunculan Dajjal, penurunan Isa, azab kubur dan sebagainya haruslah diimani dengan keimanan yang *jazam* lagi *thabit*, tidak dicampuri dengan syak atau *zann* (Abid Muhammad Noor 2014).

Jika diteliti sirah Rasulullah SAW, risalah yang dibawa oleh Baginda boleh diterima berdasarkan bukti-bukti logik akal manusia. Apa yang pasti, umat Islam yang tidak pernah melihat Rasulullah SAW dan tidak pernah menyaksikan mukjizat Rasulullah SAW masih beriman dengan kebenaran risalah baginda kerana bukti-bukti logik *qat'ie* yang menunjukkan dakwaan kenabiannya. Antara bukti tersebut ialah al-Quran al-Karim yang merupakan mukjizat yang boleh diterima akal. Oleh itu, membenarkan kerasulan Nabi Muhammad SAW dan ajaran yang dibawanya adalah wajib, sama ada secara umum (*ijmaliy*) atau secara terperinci (*tafsiliy*) sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam al-Quran dan hadis.

Manakala taklif dari segi bahasa pula berasal daripada perkataan *al-kulfah* yang bermaksud penat (*al-ta'ab*) dan sukar (*al-masyaqqah*) (al-Baghdadi 1980:344). Ibn Durayd pula menjelaskan ia bermaksud membebani sesuatu dengan sesuatu (Ibn Durayd 1925:157). Manakala Fairuzabadi mengatakan *al-taklif* sebagai sesuatu yang memenatkan dan menyukarkan ataupun yang meletakkan seseorang dalam kesulitan (Fairuzabadi 195:307). Dari segi istilah, al-Baghdadi menyatakan bahawa *al-taklif* merujuk kepada perintah (*al-amr*) dan larangan (*al-nahy*) kerana perkara-perkara yang diperintahkan untuk dilakukan adalah sukar dan memenatkan, dan pada kebiasaannya seseorang itu tidak disuruh untuk melakukannya (al-Baghdadi 1980:207).

Daripada penjelasan makna taklif di atas dapat disimpulkan bahawa dasar taklif (pembebanan) adalah akal dan pemahaman. Akal yang mampu memahami sesuatu perkara itu merupakan landasan taklif. Al-Amidy (1967) mengatakan bahawa syarat bagi seorang mukallaf ialah berakal dan faham kerana taklif adalah tuntutan daripada Allah SWT, maka mustahil untuk membebani sesuatu yang tidak berakal dan tidak faham seperti binatang dan mati. Sedangkan orang gila atau kanak-kanak mempunyai pengetahuan yang umum tanpa pemahaman yang terperinci bahawa taklif ini merupakan sebagai satu perintah atau larangan kerana tidak memahami tuntutan yang asas ini (al-Amidy 1967:115). Perlu difahami bahawa Rasulullah SAW telah menunjukkan beberapa keadaan gugurnya taklif, iaitu ketika tidur, ketika masih kanak-kanak dan dalam keadaan gila sebagaimana sabda Nabi yang bermaksud:

Di angkat qalam (tulisan amalan) daripada tiga jenis manusia : daripada orang tidur sehingga dia bangun, daripada kanak-kanak sehingga dia bermimpi (baligh) dan daripada orang gila sehinggalah dia berakal (al-Albani 1979:5)

Keadaan yang sedemikian dimaafkan kerana seseorang itu tidak mampu memahami taklif. Tujuan taklif bukan sahaja bergantung pada pemahaman dasar tetapi pemahaman yang terperinci ke atas tuntutan tersebut (Abdul Karim Zaidan 2006:69). Ini bermakna tuntutan taklif ke atas manusia itu apabila dia sudah berakal dan baligh yang kedua-duanya memisahkan antara kesempurnaan dan kekurangan akal.

Dari sudut falsafah pula, menurut Sunawari Long, keimanan dianggap oleh sesetengah orang sebagai justifikasi kepada kepercayaan yang benar dalam bidang kehidupan keagamaan, bidang perubatan ataupun ungkapan harian (Sunawari Long 2008). St. Thomas Aquinas (1224-1274M) menyatakan bahawa masalah keimanan melibatkan isu *iradah (will)* dan pemikiran kognitif. Ia mempunyai dimensi teologi *virtue* yang melibatkan perasaan sukarela sama ada dalam bentuk dalaman atau luaran. Aspek dalaman merujuk kepada penerimaan secara sukarela terhadap Tuhan serta segala bentuk arahanNya dan luaran pula sebagai pengucapan terhadap apa yang diterima oleh aspek dalaman (Pojman 1986:33). Ini menunjukkan dalam teologi Islam ia dirujuk sebagai aktiviti sukarela terhadap penerimaan oleh hati, pengakuan oleh lidah dan pelaksanaan amalan oleh anggota badan. Ketiga-tiga aspek ini melibatkan peranan akal di mana kesannya akan melahirkan iman yang bersifat benar dan tidak berbentuk taklid (membabi buta) semata-mata.

Keterangan *Risale-i Nur* Terhadap Konsep Iman Dan Taklif

Konsep iman, taklif dan hikmah kerahsiaan tarikh kiamat turut ditekankan oleh al-Nursi dalam *Risale-i Nur* di mana ia merupakan satu konsep akidah yang penting dalam hubungan antara Allah SWT dengan perbuatan manusia (*af al-ibad*). Al-Nursi mengaplikasikan konsep yang telah digunakan oleh para Nabi dan Rasul terdahulu dalam menyampaikan dakwah menerusi pemantapan akidah. Ini kerana sosiobudaya dan masyarakat Turki ketika itu telah ditanamkan dengan ideologi sekularisme. Oleh itu, al-Nursi amat menekankan konsep keimanan dan akidah dalam jiwa-jiwa umat Islam Turki agar kembali kepada Islam dengan menulis Risalah *Risale-i Nur*. Al-Nursi memperuntukkan bab mengenai konsep iman, taklif dan hikmah kerahsiaan tanda kiamat ini di dalam risalah *al-Shu'at*, bab kelima yang berbunyi:

Sesungguhnya keimanan dan taklif satu ujian *imtihan* dan perlumbaan yang terangkum di bawah hak pilihan insan. Persoalan ini bukanlah suatu teori yang samar, tidak jelas dan terlalu mendalam yang ianya perlu kepada suatu uji kaji dan pemerhatian yang terlalu teliti. Ia jelas seumpama mentari sehingga ia boleh dipercayai oleh sesiapa sahaja sama ada dia mahu ataupun tidak. Tidak lain tujuannya adalah untuk membezakan antara iman Abu Bakar as-Siddiq dengan kekufuran Abu Jahal. Lantas orang mukmin itu akan berada setinggi-tinggi tempat bersama golongan *'illiyin* manakala golongan kufar akan tersungkur jauh di lembah kehinaan bersama golongan *safilin* kerana tidak mungkin adanya taklif tanpa pilihan. Lantas hikmah inilah mukjizat diberikan dalam bentuk yang berbeza-beza dan ia amat jarang berlaku.

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa iman dan taklif ini merupakan satu ujian kepada manusia yang berkaitan dengan ketetapan dan kekuasaan Allah SWT, tetapi manusia juga diberikan pilihan dan kebebasan sama ada untuk melakukannya atau meninggalkannya. Dalam konteks perbincangan ini, An-Nursi menekankan bahawa mempercayai hari akhirat merupakan tiang akidah setelah mengesakan Allah SWT.

Beriman kepada hari akhir dan tanda-tandanya itu termasuk percaya kepada alam ghaib yang tidak dapat di jangkau oleh akal fikiran dan tidak ada jalan lain untuk mengetahuinya kecuali melalui wahyu. Kepercayaan kepada hari akhirat juga merupakan salah satu garis perbezaan antara manusia dengan haiwan (Al-Tahawi 1971). Ini kerana manusia yang percaya kepada hari akhirat mempunyai akal fikiran yang luas kerana dapat memahami dan mendalami perkara yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. An-Nursi juga menyatakan bahawa:

Kemudian, di dalam darul *taklif* dan alam ujian ini terdapat tanda-tanda kiamat dan pembayang pada akhirat yang boleh disaksikan oleh mata kasar. Ia tersembunyi dan tidak jelas dan boleh pula ditakwil – sama seperti sebahagian ayat-ayat *mutasyabihah* di dalam al-Quran, kecuali tanda kiamat yang berupa terbitnya matahari dari barat, ia jelas sejelas-jelasnya tanpa perlu difikirkan sehinggakan ia mendorong ramai manusia untuk beriman tanpa pilihan. Oleh yang demikian pintu taubat tertutup ketika itu (An-Nursi 2002).

Al-Nursi menambah lagi:

Tiada lagi nilai sebuah keimanan dan kebaikan dari sebuah taubat kerana ketika itu pengakuan oleh orang yang memiliki iman adalah sama sahaja antara Abu Bakar as-Siddiq dengan raja segala kekufuran seperti Abu Jahal. Bahkan turunnya Isa a.s dan mengenali seseorang itu sebagai Isa a.s boleh terjadi dengan cahaya iman yang benar-benar luhur, bahkan bukan semua orang boleh mengenalinya. Begitu juga al-Dajjal dan *as-Sufyani*, kedua-duanya adalah dalam kalangan peribadi-peribadi yang menakutkan yang bakal menjelma bersama tanda-tanda kiamat yang lain. Kedua-duanya tidak pernah tahu bahawa mereka adalah al-Dajjal dan *as-Sufyani* di peringkat awalnya (An-Nursi 2002).

Ini menunjukkan bahawa hari kiamat ini merupakan kewajipan setiap manusia untuk beriman walaupun ianya terletak di bawah kemampuan manusia untuk menilai setiap tanda yang telah dinyatakan oleh Allah SWT berdasarkan nas al-Quran. Setiap tanda kiamat telah dinyatakan oleh Allah SWT dengan jelas dalam al-Quran dan ada setengahnya perlu diterangkan secara takwil. Nabi Muhammad SAW telah memberitahu mengenai kejadian-kejadian yang akan terjadi sehingga kiamat kerana Allah SWT telah memperlihatkan kepada Baginda perkara-perkara ghaib yang bakal terjadi. Antaranya ialah hadis yang berbunyi :

Rasulullah SAW telah memberikan pengarahan kepada kami dengan sebuah khutbah yang tidak ada sesuatu pun yang akan terjadi hingga datangnya kiamat, kecuali disebutkan tandanya, difahami oleh orang yang tidak mengetahui dan tidak difahami oleh orang yang tidak mengerti. Jika ada sesuatu yang pernah saya ketahui lalu saya lupa, maka saya mengetahuinya lagi sebagaimana seseorang mengenal orang lain lalu dia berpisah, kemudian dia bertemu lagi, tentu dia akan mengenalinya (al-Bukhari, t.th. 11:994).

Ini membuktikan bahawa Rasulullah SAW telah menceritakan kepada para sahabat mengenai segala apa yang terjadi hingga hari kiamat dan tidak diragui lagi bahawa tanda-tanda kiamat diperolehi daripada hadis tentang alam ghaib. Oleh kerana itu, terdapat banyak hadis yang menyebut tanda-tanda kiamat dan diriwayatkan dengan pelbagai lafaz daripada para sahabat. Perkara-perkara ghaib yang diketahui oleh Rasulullah s.a.w bukan semuanya sama.

Sebahagiannya diketahui secara terperinci tanpa apa-apa pindaan, tanpa campur tangan baginda dalam bahagian ini walaupun sedikit seperti al-Quran sebagai contoh dan hadis-hadis qudsi yang bersifat *muhkam*. Sebahagian yang lain diketahui oleh baginda secara *mujmal* (Al-Nursi 2006).

Baginda diberikan ruang untuk menjelaskan dan memperincikan berasaskan ijihad Baginda SAW seperti hadis-hadis yang berkisar di sekitar peristiwa alam semesta dan peristiwa masa depan yang bukan daripada asas-asas keimanan. Maka Nabi SAW memberikan penjelasan, gambaran, perincian dengan kedalaman bahasa Baginda sendiri dengan menggunakan gaya bahasa *tashbih* dan *tamsil*. Kesemua perkara ini dijadikan selaras dengan hikmah *taklif* (Al-Nursi 1985). Sebagai contoh dalam hadis Rasulullah SAW yang berbunyi:

Dalam suatu majlis Rasulullah SAW kedengaran suatu letupan. Lalu Baginda memberitahu bahawa bunyi itu adalah suara batu yang meluncur jatuh ke kerak api neraka jahanam sejak 70 tahun. Sekarang ia telah sampai ke dasarnya. Selepas daripada peristiwa yang menakjubkan itu, datanglah seorang lelaki kepada mereka lantas memberitahu Rasulullah SAW bahawa si fulan (seorang munafik) yang usianya mencecah 70 tahun telah pun mati dan sedang diheret ke neraka jahanam yang merupakan seburuk-buruk penyudah (Muslim, 1955, 31: 2844)

Hadis di atas menunjukkan bahawa takwilan *balaghah* yang cukup tinggi dari ungkapan Rasulullah SAW dapat disaksikan secara jelas. Pengetahuan tentang hari kiamat merupakan perkara yang dirahsiakan oleh Allah SWT dan tidak diperlihatkan kepada makhluk seperti malaikat, Nabi dan Rasul.

Hikmah Kerahsiaan Tanda Kiamat Menurut *Risale-i Nur*

Tidak ada seorang pun manusia yang mengetahui bilakah hari kiamat akan terjadi kecuali Allah SWT. Rasulullah SAW sering menyebut kiamat dan tanda-tandanya, maka ramai orang yang bertanyakan tentang waktu (masa) terjadinya kiamat. Baginda menceritakan kepada mereka bahawa itu adalah masalah ghaib yang tidak ada yang mengetahuinya kecuali Allah SWT dan ayat al-Quran yang telah diturunkan untuk menjelaskan bahawa hari kiamat itu termasuk dalam perkara yang dirahsiakan seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang hari kiamat: Bilakah masa datangnya? Katakanlah: Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanku, tidak ada sesiapa pun yang dapat menerangkan kedatangannya pada waktunya melainkan Dia. Huru-hara hari kiamat itu amatlah berat menggerunkan makhluk-makhluk yang ada di langit dan di bumi; ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mengejut. Mereka bertanya kepadamu seolah-olah engkau sedia mengetahuinya. Katakanlah: Sesungguhnya pengetahuan mengenai hari kiamat itu adalah di sisi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. (Al-A'raf 7:187)

Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW untuk menyampaikan kepada manusia bahawa tarikh kiamat itu hanya Allah SWT yang mengetahui. Tidak ada yang mengetahui datangnya kiamat, baik makhluk yang ada di langit dan di bumi sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Manusia bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang kedatangan hari kiamat; katakanlah: Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Allah dan apa jalannya engkau dapat mengetahui? Boleh jadi masa datangnya tidak lama lagi. (Al-Ahzab 33:63)

Berdasarkan ayat di atas, banyak perkara ghaib ditutup seperti ajal maut kerana hikmah dan kepentingan yang begitu banyak. Agama-agama dunia seperti Kristian, Yahudi, Hindu dan sebagainya turut menjelaskan mengenai kiamat kepada penganutnya bergantung kepada keyakinan dan tradisi agama masing-masing. Contohnya dalam agama Kristian, kiamat yang disebut sebagai penderitaan besar, hari penyiksaan, hari pembalasan atau lebih dikenali dengan *doomsday* dinyatakan dalam Perjanjian Baru dan Lama seperti dalam injil Matius, Lukas dan Markus (Robert 2010). Namun demikian, kesemua agama ini juga tidak mengetahui masa berlaku hari kiamat kecuali hanya menerangkan mengenai gambaran-gambaran tanda akhir zaman.

Maka kiamat yang merupakan sakaratul maut bagi dunia dan ajal bagi kemanusiaan sejagat serta kematian bagi haiwan yang melata telah terselindung kerana kepentingan yang begitu banyak. Hal ini kerana, menurut An-Nursi jika ajal itu tertentu waktunya maka pincanglah timbangan antara *khauf* (takut) dan *raja'* (harapan). Neraca ini dibina di atas kepentingan dan hikmah kerana sebahagian usia akan berlangsung dalam kelalaian yang menggila diikuti pula oleh ketakutan dasyat seperti seorang yang diheret selangkah demi selangkah ke tali gantung (Al-Nursi 2013).

Secara psikologinya manusia akan mempunyai perasaan takut dan harapan dalam diri. Sekiranya ajal maut ditentukan, maka tidak hairanlah manusia akan mengalami kemurungan dalam kehidupannya. Dalam *American Psychological Association* (2005) mengatakan manusia yang mengalami penyakit kronik, kematian ahli keluarga, kehilangan pekerjaan atau penceraian berpotensi untuk menyebabkan kesedihan dan kemurungan. Bagi sesetengah individu, gangguan emosi ini dalam keadaan jangka pendek sahaja, namun bagi kes-kes tertentu, perasaan ini akan berlanjutan sehingga membawa kepada perkara yang tidak diingini, seperti membunuh diri atau penyakit mental yang lebih serius (Rosenthal et. all 2005; Reeves 2005). Oleh sebab manusia sememangnya lemah, maka Allah SWT menutup sebahagian besar sesuatu perkara daripada pengetahuan manusia supaya manusia dapat menjalani kehidupan tanpa rasa takut dan bergantung harapan pada Allah SWT.

Ajal dunia dan sakarat kiamat adalah sama seperti ini kerana jika waktu ini ditentukan nescaya kurun-kurun pertama dan pertengahan tidak akan terkesan dengan kewujudan akhirat kecuali sedikit dan ia tidak akan teransang dengan peristiwa akhirat ini kecuali sebahagian dari peristiwa tersebut. Kurun-kurun yang berikutnya, iaitu terakhir akan hidup di dalam ketakutan yang berlarutan. Kehidupan selepas itu bukan lagi suatu yang menyeronokkan dan mempunyai nilai manusiawi. Manakala amal ibadat yang berupa ketaatan seseorang dengan pilihannya sendiri terhadap Tuhannya di bawah naungan *al-khauf* dan *al-raja'* – tidak akan ada lagi kepentingan dan hikmahnya lagi (Al-Nursi 2013).

Perkara inilah yang ditekankan oleh An-Nursi dalam *Risale-i Nur* mengenai hikmah mengapa Allah SWT merahsiakan kiamat ke atas manusia. Ini kerana, jika manusia tahu akan ajal maut, jodoh, rezeki dan lain-lain manusia akan berada di zon selesa pada awal kehidupannya. Manusia akan alpa untuk beribadat kepada Allah SWT pada awal kehidupannya dan apabila

berada di tahap terakhir kehidupannya barulah mereka berlumba-lumba untuk melakukan ibadat yang telah ditinggalkan.

Selain itu, jika waktu kiamat itu ditentukan sebahagian daripada hakikat keimanan akan menjadi perkara-perkara yang mesti tahu, mesti diterima dan mesti diimani oleh setiap orang sama ada mereka mahu atau tidak. Jika itu adalah kemestian, nescaya rosaklah rahsia *taklif* dan hikmah keimanan yang ianya berkait rapat dengan kehendak insan dan pilihannya. Demikianlah perkara-perkara ghaib ini disembunyikan demi *masalah* yang tidak terkira seperti yang disebutkan. Seorang insan akan terus menjangkakan kematiannya setiap detik sama seperti menjangkakan kekekalannya setiap detik. Ia akan memikirkan tentang kehidupan dan kematian secara serentak lantas dia berusaha untuk dunia sama seperti dia berusaha untuk akhirat. Seperti mana ia menjangkakan akan berlaku kiamat di setiap ketika begitu juga dia akan menjangkakan kelangsungan dunia ini suatu ketika. Di sinilah akan lahirnya seorang insan yang berkemampuan penuh untuk bekerja demi kehidupan abadinya di akhirat sambil melihat kepada kemusnahan dunia suatu ketika nanti. Dalam masa yang sama ia akan memakmurkan dunia ini seolah-olah dia akan hidup selamanya (Al-Nursi 2013).

Al-Nursi menekankan dalam *Risale-i Nur* bahawa manusia merupakan khalifah yang ditugaskan untuk memakmurkan bumi. Manusia diberi ruang untuk mencorakkan kehidupan mengikut acuannya sendiri yang dibentuk daripada masyarakat. Fungsi masyarakat itulah yang akan membentuk sebuah pemerintahan di mana di dalamnya terkandung pelbagai struktur seperti ekonomi, undang-undang, politik, pendidikan dan sebagainya. Daripada titik pertemuan inilah manusia mula mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang untuk meningkatkan kualiti hidup dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa Islam bukanlah suatu agama yang jumud yang hanya menyeru manusia untuk beribadat semata-mata tetapi menerima kemajuan untuk kemaslahatan umat Islam pada masa akan datang. Al-Nursi menyatakan bahawa:

Kemudian dari itu, jikalau waktu musibah dan bala ditentukan, manusia akan meneguk keperitan dan kesakitan yang maknawi akibat menunggu musibah dan bala yang bakal tiba berlipat kali ganda lebih menyakitkan dari musibah dan bala itu sendiri. Oleh yang demikian, hikmah Ilahi dan rahmatnya yang maha luas telah menyembunyikan waktu kedatangan musibah tersebut. Ia terus kekal terselindung dan tertutup daripada pandangan manusia lantas mereka tidak merasakan penderitaan maknawi itu. Oleh kerana peristiwa-peristiwa alam semesta yang ghaib daripada pandangan mata mengandungi hikmah seumpama ini maka berita-berita ghaib dilarang untuk disebarkan jika ada yang ingin mengkhabarkannya mestilah ada izin ketuhanan. Mereka membawa khabar-khabar tersebut dalam bentuk isyarat sahaja bukan sepenuhnya terbuka kecualilah perkara berkaitan dengan hakikat keimanan sekadar ruang lingkup *taklif*. Ini untuk mengelakkan kurang penghormatan dan ketidakpatuhan yang sempurna terhadap perundangan Allah (Al-Nursi 2013).

Al-Nursi menyatakan bahawa sekiranya manusia mengetahui kesemua berita ghaib seperti kematian, hari kiamat dan sebagainya akan menambahkan lagi penderitaan dalam kehidupan seharian. Al-Nursi menambah lagi:

Bahkan berita-berita gembira yang datang mengenai Rasul kita yang mulia Muhammad SAW di dalam kitab Taurat, Injil dan Zabur, masih juga terdapat sedikit penutupan dan penjelasan yang terhad memberi ruang kepada ahli kitab

untuk mentakwil isyarat-isyarat tersebut dan mereka tidak memperoleh nikmat keimanan terhadap Rasulullah SAW. Adapun permasalahan yang terkandung di dalam akidah dan keimanan yang dituntut di bawah hikmah *taklif* amat perlu kepada penyampaian yang jujur dan jelas dan sempurna. Keterangan yang menyeluruh dan ia perlu diulang-ulang. Oleh yang demikian, al-Quran telah memperincikan dengan sokongan penyampainya yang amanah iaitu Rasulullah SAW. Keterangan yang sempurna mengenai peristiwa akhirat. Al-Quran dan Rasulullah SAW telah menyebut tentang peristiwa dunia pada masa akan datang dalam bentuk yang *mujmal*.

Tafsiran al-Nursi menunjukkan bahawa tidak kesemua berita yang disampaikan kepada para Nabi dan Rasul melalui kitab-kitabNya diketahui secara jelas. Akan tetapi, manusia tetap dituntut untuk mengimannya kerana ia jelas memberikan mafaat yang amat besar dalam kehidupan dan masyarakat.

Penutup

Risale-i Nur telah menjelaskan perihal iman, taklif dan hikmah Allah SWT merahsiakan hari kiamat kepada seluruh umah manusia juga sama seperti hikmah Allah SWT merahsiakan waktu kematian bagi setiap manusia. Dari segi hukum taklif pula, setiap manusia akan dipertanggungjawabkan, dipersoalkan dan diberikan balasan baik muhupun buruk dengan adil dan saksama. Manusia tidak mempunyai sebarang alasan, bukti dan hujah untuk menafikan dan menolak ketentuan Allah SWT ke atas mereka melalui utusan nabi dan rasul yang telah diutuskan kepada umat manusia. Manusia yang beriman dan percaya kepada Allah SWT, hari akhirat, pembalasan, pahala dan seksaan akan melakukan *amar makruf nahi mungkar*.

Allah SWT telah mengutuskan Nabi Muhammad SAW dengan membawa kebenaran, sebagai pembawa khabar gembira dan memberi peringatan sebelum datangnya kiamat. Maka, jelas disini menunjukkan bahawa tidak ada satu kebaikan ditunjukkan kepada umatnya dan tidak ada keburukan yang diselindungi daripada umatnya melainkan diperingatkan agar menjauhinya. Dengan mengimani tanda-tanda hari kiamat yang merupakan keimanan kepada perkara-perkara ghaib sekaligus akan menjadikan seorang mukmin itu lebih hampir kepada Allah SWT dan bergantung harap kepadaNya. Maka tidak sempurna iman seorang muslim itu kecuali dengan mempercayai perihal kiamat ini dengan sepenuh hati. Ini termasuklah semua khabar atau riwayat sahih yang datang daripada Rasulullah SAW baik secara mutawatir mahupun ahad.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Ab. Aziz Mohd Zin. 2005. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abdul Karim Zaidan. 2006. *Al-Wajiz Fi Usul Fiqh*. Lebanon: Resalah Publisher.

Abid Muhammad Noor. 2014. *Aqidah yang membawa ke Syurga*. Selangor: Bestari Sdn. Bhd.

Ahmad Azam Abdul Rahman. 2015. Imam Badiuzzaman Said Nursi (1877-1960): Sejarah Perjuangan dan Implikasi Kepada Usaha Dakwah. Kertas Kerja Konvensyen Pemikiran Badiuzzaman Said Nursi. Ipoh, Perak, 13 Ogos.

Ahmad Sunawari Long. 2005. *Sejarah Falsafah*. Bangi: UKM.

Al-Albani, Muhammad Nasir ad-Din al-Ibani Muhaqqik. 1979. *Irwa' al-Ghalil*. Arab Saudi: Dar Ibn Jauzi.

Al-Amidy, Ali Bin Abi Ali. 1967. *Al-Ahkam Fi Usul al-Ahkam*. Al-Qahirah: Muassasah al-Halabi.

Al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad. 1980. *Usul al-Din*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Alamiyyah.

Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. t.th. *Sahih Bukhari*. Bayrut : Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi.

Al-Nursi, Badiuzzaman Said al-Nursi. 2006. *Prophet Muhammad and His Miracles*. USA: The Light Publishing.

Al-Nursi, Badiuzzaman Said al-Nursi. 2013. *Letters*. Turki: Sozler Publication.

Al-Nursi, Badiuzzaman Said al-Nursi. 2013. *The Words : On The Nature and Purposes of Man, Life, and All Things*. Turki: Sozler Publication.

Al-Nursi, Badiuzzaman Said al-Nursi. 2013. *The Rays*. Turki: Sozler Publication.

Al-Tahawi, Ahmad Ibn Muhammad Tahawi. 1971. *Sharh al-Aqidah al-Tahawiyyah*. Bayrut : Al-Maktabah al-Islami.

Anon. 2005. *Depression*. Retrived 9 June 2015 from American Psychological Association : <http://www.apa.org/topics/depress/index.aspx>

Badiuzzaman Said al-Nursi. 2003. *Assyaratus Sa'ah wa Masail al-Dajjal al-Akbar wa Sufyani wa Nuzul Isa Alaihissalam wa Zuhur al-Hadi*. Terj. Ihsan Qasim as-Solih. Qaherah : Sozler Publication.

Fairuzabadi, Tahir Ahmad al-Zawi. 1959. *Tartib al-Qamus al-Muhit*. Mesir: Qaherah.

Ibn Durayd, Muhammad bin Hasan. 1925. *Kitab Jamharah al-Lughah*. Baghdad :Maktabah al-Muthanna.

Ibn Kathir, Imad al-Din Ismail. 1997. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Jil. 4. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.

Ibnor Azli Ibrahim. 2010. Iman As A Focal Point And Beacon Of Light In Risale-i Nur. Kertas Kerja Somposium Knowledge, Faith, Morality and the Future of Humanity 2010. Anjuran The Istanbul Foundation for Science and Culture (IIVK) Turki, Istanbul, 3-5 Oktober 2010.

Mohammad Redzuan Othman, "Pensekularan dan Perjuangan Mengembalikan Kedaulatan Islam di Turki". In *Turki Negara Dua Wajah: Pengkhianatan Atartuk Terhadap Dunia Islam*, ed. Abdullah Azzam. Selangor: Alam Raya Enterprise.

Muslim, Abu al-Husayn Muslim al-Hajaj. 1955. *Sahih Muslim*. Tahqiq Muhammad Fu'ad al-Bai. Turki : al-Maktabah al-Islami.

Mustafa Sa'id al-Khin Syeikh Muhyiddin Dib Misto. 2012. *Aqidah Islamiah*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus.

Pojman, L.P. 1986. *Religious Believe and the Will*. London: Routledge and Kegan Paul.

Reeve, J. 2005. *Understanding Motivation and Emotion*. 4th Edition. SA: John Wiley & son Inc.

- Robert Fitzpatrick. 2010. *The Doomsday Code (God Is Warning Us Through The Bible)*. USA : Xulonpress.
- Rosenthal, J.M & Okie, S. 2005. White Coat, Mood Indigo-Depression in Medical School. *N Engl J. Med* 353(11): 1085-8.
- Sayed Sabiq. 2005. *Aqidah al-Islamiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Sukran Vahide. 1999. The Life and Times of Badiuzzaman Said Nursi. *The Muslim World*. 89 (3-4):208-244
- Sukran Vahide. 2004. *Bediuzzaman Said Nursi*. Istanbul:Sozler Publications.
- Urkhan Muhammad Ali. 1995. *Said al-Nursi Rajul al-Qadr fi Hayat Ummah*. Istanbul:Syarikat al-Nasl li al-Tiba'ah.